

Interaksi Kerajaan Melaka dengan Kuasa Eropah dalam Naskhah *Sulalat u's Salatin*

Interaction Between the Malacca Sultanate and European Powers in The Manuscript Sulalat u's Salatin

*Steven Alezender**
GS63579@student.upm.edu.my

Salmah Jan Noor Muhammad
salmahjan@upm.edu.my

Rahimah Hamdan
rahimahh@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

**Corresponding author*

Received: 29 July 2024 ; Published: 26 Dec 2024

Alezender, S., Noor Muhammad, S. J., & Hamdan, R. (2024). Interaksi Kerajaan Melaka dengan Kuasa Eropah dalam Naskhah Sulalat u's Salatin. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 31 - 45. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/191>

ABSTRAK

Kemajuan dalam bentuk lahiriah mahupun rohaniah bukanlah satu-satunya faktor yang berperanan dalam menumbuhkan sesebuah tamadun di dunia. Di samping keunggulan sedia ada yang dimiliki oleh sesebuah tamadun, pencapaian membanggakan yang diraih oleh sesebuah tamadun berkenaan turut dipengaruhi juga oleh proses interaksi di antara tamadun untuk memenuhi keperluan manusia dalam tamadun berbeza yang saling berinteraksi di antara satu sama lain. Mustahaknya proses interaksi dalam menjamin perkembangan, kemajuan dan kelangsungan sesebuah tamadun telah menyaksikan peradaban Melayu di Gugusan Kepulauan Melayu tidak ketinggalan dari menjalinkan interaksi tersendiri baik dalam bentuk setempat mahupun juga sejagat. Interaksi dengan tamadun luar yang dirintis semenjak zaman kerajaan protosejarah Alam Melayu lagi diteruskan kesinambungannya oleh kerajaan pesisir terkemudian seperti kerajaan Melaka. Setelah diasaskan oleh Parameswara, kerajaan Melaka diketahui telah menjalinkan interaksi dengan tamadun lain seperti China, Ryukyu, Arab dan India. Dari semasa ke semasa, sayap interaksi kerajaan Melaka dikesan semakin melebar apabila turut berinteraksi dengan kuasa Eropah khususnya Portugis yang pertama kali tiba di Gugusan Kepulauan Melayu berikutan misi penjelajahan dan penjajahan pada abad ke-15 Masihi. Justeru, kajian berbentuk kualitatif ini ingin mengenal pasti dan menganalisis bentuk interaksi kerajaan Melaka dengan Portugis berdasarkan naskhah Sulalat u's Salatin. Data yang diperolehi dari naskhah tersebut akan dianalisis dengan menggunakan Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun yang dipelopori oleh Kuzyk & Yakovets pada tahun 2006. Implementasi teori berkenaan dalam kajian ini menemukan wujudnya interaksi dalam bentuk kerjasama ekonomi dan konflik ketenteraan di antara kerajaan Melaka dengan Portugis.

Kata Kunci: Tamadun; Interaks; Kerajaan Melaka; Portugis; *Sulalat u's Salatin*

ABSTRACT

Progress, both in material and spiritual forms, is not the sole factor contributing to the development of a civilization in the world. Besides the inherent excellence possessed by a civilization, its notable achievements are also influenced by the process of interaction between civilizations to fulfill the needs of different human societies that interact with each other. The importance of interaction in ensuring the development, advancement, and continuity of a civilization has seen the Malay civilization in the Malay Archipelago engaging in its own interactions, both locally and globally. Interaction with external civilizations, which began during the protohistoric era of the Malay World, was continued by later coastal kingdoms such as the Malacca Sultanate. After being founded by Parameswara, the Malacca Sultanate is known to have established interactions with other civilizations such as China, Ryukyu, Arabia, and India. Over time, the scope of Malacca's interactions expanded to include European powers, particularly the Portuguese, who first arrived in the Malay Archipelago following their exploration and colonization missions in the 15th century AD. Therefore, this qualitative study aims to identify and analyze the forms of interaction between the Malacca Sultanate and the Portuguese based on the manuscript Sulalat u's Salatin. Data obtained from the manuscript will be analyzed using the Theory of Forms and Social Environment of Inter-Civilizational Interaction pioneered by Kuzyk & Yakovets in 2006. The implementation of this theory in the study reveals the existence of interactions in the form of economic cooperation and military conflict between the Malacca Sultanate and the Portuguese.

Keywords: Civilization; Interactio; Malacca Sultanat; Portugues; Sulalat u's Salatin.

PENGENALAN

Kemunculan sesebuah tamadun dalam mewarnai turun naiknya ketamadunan di dunia boleh dikatakan berkait rapat dengan kemajuan yang dicapai oleh kelompok manusia dalam sesebuah tamadun berkenaan. Mempertalikan kemunculan sesebuah tamadun dengan kemajuan merupakan sesuatu yang berasas dan wajar kerana sesebuah tamadun itu menurut Mashitah Sulaiman & Adibah Sulaiman (2011), dibina dengan berdasarkan perancangan, pelan tindakan dan hala tuju yang betul berlandaskan budaya hidup yang tinggi. Aspek-aspek yang membina sesebuah tamadun seperti yang digariskan itu jelas memanasifestasikan kemajuan kelompok manusia yang memiliki kemampuan dalam merancang dan mengatur hidup secara sistematik untuk mencapai satu tahap yang tinggi dalam kehidupan bertamadun. Namun begitu, kemajuan yang dinikmati baik dari segi lahiriah mahupun rohaniah sebenarnya tidak diraih secara mutlak oleh sesebuah tamadun berkenaan semata-mata. Di sebalik keunggulan sedia ada yang dimiliki, prestasi cemerlang yang dimiliki oleh sesebuah tamadun sebenarnya turut dipengaruhi juga oleh proses interaksi yang berlaku di antara tamadun.

Interaksi yang terjalin di antara tamadun Jepun pada zaman Kamakura dengan China misalnya telah mendorong berlakunya perkembangan budaya, amalan beragama dan sistem tulisan dalam tamadun Jepun itu sendiri (Sri Rahayu Ismail, 1999). Begitu juga akan halnya dengan tamadun Barat moden yang menyerap tradisi ilmu saintifik daripada tamadun Islam dan juga mengambil unsur tamadun klasik Romawi atau Yunani untuk membangunkan tamadunnya (Mashitah Sulaiman & Adibah Sulaiman, 2011). Malahan, tamadun Eropah sendiri juga sebenarnya amat terhutang budi dengan peradaban Islam di Andalusia yang telah menyumbangkan ilmu pemikiran dan falsafah, ilmu matematik, ilmu astronomi, muzik, ilmu geografi, ilmu perubatan, ilmu botani dan ilmu mistik (Azizan Baharudin, 1986) sehingga memungkinkan Eropah berjaya memobilisasikan tamadunnya dari Zaman Gelap ke Zaman Kebangkitan yang kemudiannya mencetuskan episod penjelajahan dan penjajahan kuasa Barat ke Timur pada abad ke-15 Masihi (Rosliha Muhammad, 2000). Bahkan, tamadun Islam juga turut mempamerkan sifat keterbukaannya dengan menerima sumber ilmu pengetahuan

dari pelbagai tamadun lain menerusi proses interaksi yang berlaku seperti Greek, Yunani, India, Parsi dan China yang kemudiannya disaring, dibaiki dan diperkayakan untuk melonjakkan kegemilangan ketamadunan Islam sendiri (Badrul Hisham, 2004; Salmah Omar, 2015).

Menyedari mustahaknya proses interaksi dalam mempengaruhi jatuh dan banggunya sesebuah ketamadunan, peradaban di Gugusan Kepulauan Melayu khususnya masyarakat Melayu turut tidak ketinggalan dari menjalinkan interaksinya yang tersendiri baik bersifat setempat mahupun sejangat. Dalam usaha menjamin perkembangan dan kelangsungan peradaban Melayu, kerajaan Melayu semenjak zaman protosejarah lagi sehingga ke zaman kerajaan pesisir yang terkenal sebenarnya tidak pernah sunyi dari berinteraksi dengan tamadun luar. Bersabit dengan itu, kajian yang dijalankan oleh barisan sarjana seperti Nazarudin Zainun & Nasha Rodziadi Khaw (2009), Nazarudin Zainun, Nasha Rodziadi Khaw, Tarmiji Masron & Zulkifli Jaafar (2009) dan Nasha Rodzaidi, Nazarudin Zainun, Tarmiji Masron & Zulkifli Jaafar (2016) mendapati bahawa kerajaan protosejarah Alam Melayu iaitu Ch'ih-'Tu, Tan-Tan, P'an-P'an, Kedah Tua, Langkasuka dan Ko-Lo pernah menghantar ufti kepada kerajaan China ketika di bawah pemerintahan Dinasti Sui dan T'ang.

Dalam perkembangan berasingan, sayap interaksi kerajaan Alam Melayu turut dikesan semakin melebar lewat kajian yang dilaksanakan oleh Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman (2014) serta Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin & Norsaleha Mohd Salleh (2020) yang menekuni hubungan kerajaan Alam Melayu dengan Timur Tengah seperti Mesir dan Arab-Parsi. Penemuan yang disuguhkan oleh para ilmuan lewat penyelidikan masing-masing seperti yang diperkatakan itu membuktikan dengan jelas bahawa peradaban Melayu semenjak zaman kerajaan awalnya sehinggalah ke kerajaan pesisir yang terkenal tidak pernah sunyi dari menjalinkan interaksi dengan tamadun dari luar peradabannya dalam rangka menjamin perkembangan, kemajuan dan kelangsungan peradaban yang dimiliki.

Namun begitu, sama ada sedar atau pun tidak, interaksi peradaban Melayu tempoh itu sebenarnya tidak hanya terjalin sebatas dengan tamadun luar seperti yang menjadi fokus dalam kajian para sarjana yang diperkatakan sebelumnya. Keadaan tersebut demikian kerana episod penjelajahan dan penjajahan yang dirintis oleh Portugis dan kemudiannya disusuli oleh Sepanyol, Belanda dan Inggeris yang menyasarkan Alam Melayu telah membuka sebuah babak baru dalam proses interaksi masyarakat Melayu khususnya dengan kuasa Eropah tersebut buat julung kalinya. Ketibaan kuasa Eropah di Alam Melayu tidak hanya mengubah landskap geopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat Melayu mengikut zaman tetapi pada masa yang sama ia juga telah memungkinkan terjalinnya interaksi di antara tamadun dan peradaban yang berbeza buat pertama kalinya di Alam Melayu sendiri.

Buktinya, perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional sendiri lewat genre historiografi Melayu telah menyinggung dengan rinci seputar interaksi kerajaan yang diwakili dengan kuasa Eropah tersebut dalam pelbagai bentuk dan salah satunya ialah interaksi dalam bentuk kerjasama ekonomi dan konflik ketenteraan. Justeru, fokus kajian ini akan ditujahkan untuk membincangkan mengenai interaksi kerjasama ekonomi dan konflik ketenteraan di antara kerajaan Melayu dengan kuasa Eropah khususnya kerajaan Melaka dengan Portugis berdasarkan naskhah *Sulalat u's Salatin*.

SOROTAN KAJIAN

Sulalat u's Salatin merupakan sebuah mahakarya yang sentiasa menarik perhatian ramai sarjana baik dari luar mahupun dalam negara untuk menekuninya dari pelbagai sudut pandang. Salah satu dari penelitian tersebut ditujahkan terhadap hubungan luar yang dijalinkan oleh kerajaan Melaka sepanjang berlangsungnya pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Sehubungan dengan itu, ketika membicarakan mengenai hubungan gemilang di antara China dan Melaka, Liang Liji (1996) tidak boleh tidak dari memanfaatkan naskhah *Sulalat u's Salatin* untuk dibandingkan dengan sumber China yang digunakannya agar kedua-dua sumber tersebut saling melengkapi di antara satu sama lain dalam membicarakan mengenai fokus

kajian beliau. Sehubungan dengan itu, ketika memenuhi tanggungjawabnya menuturkan “peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu” *Sulalat u’s Salatin* telah menghebahkan perihal kejayaan kerajaan yang diwakili olehnya dalam hubungan diplomatik iaitu hubungan China-Melaka agar dapat diketahui oleh anak cucu yang terkemudian. Hubungan China-Melaka tersebut mendapat tempat yang istimewa di dalam naskhah sehingga diceritakan secara berulang-ulang. Sekira dilihat secara keseluruhannya, *Sulalat u’s Salatin* cuba mengungkapkan sejarah hubungan China-Melaka dalam kesemua proses perkembangannya yang boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu semenjak permulaannya hinggalah ke masa kegemilangannya pada abad ke-15.

Tahap pertama ditandai dengan ceritera Raja Suran yang ingin menyerang China. Tahap kedua pula diujarkan lewat peristiwa Raja Melayu pertama iaitu Sang Sapurba yang menerima kunjungan rombongan dari Raja China untuk meminang puteri baginda. Tahap yang terakhir merujuk kepada hubungan China-Melaka yang mencapai fasa kegemilangannya menerusi cerita pengiriman sebuah pilu di antara kedua-dua buah kerajaan. Sekiranya catatan dalam sejarah Dinasti Ming dibandingkan dengan kisah dalam *Sulalat u’s Salatin* tersebut, terdapat beberapa bayangan dan pembuktian yang akan dapat ditemui. Antaranya ialah berdasarkan *Sulalat u’s Salatin*, Maharaja Ming telah dikisahkan sebagai figura yang mula-mula menghantar utusannya ke Melaka. Berikutnya, Raja Melaka segera mengiriskan utusannya ke China untuk membalas undangan dari Maharaja Ming. Dari semasa ke semasa, Maharaja Ming dan Raja Melaka saling berutus surat yang akhirnya membawa kepada proses pembukaan hubungan rasmi di antara kedua-dua buah kerajaan yang berjaya dimuktamadkan dalam masa yang singkat tanpa wujudnya sebarang masalah.

Berikutnya, penelitian yang dijalankan oleh Tatiana A. Denisova (2011) terhadap naskah *Sulalat u’s Salatin* telah menemukan wujudnya hubungan kerajaan Melaka dengan beberapa kuasa asing seperti Arab, China, India dan Eropah. Hubungan kerajaan Melaka dengan Arab terjalin disebabkan oleh faktor agama dan ilmu serta perniagaan. Dari sudut agama dan ilmu, Melaka telah menerima kedatangan seorang makhdm dari Jeddah yang bernama Sidi Abdul Aziz dan kemudiannya seorang pandita yang bernama Maulana Sadar Jahan. Selain menyebarkan agama dan ilmu, sebuah kapal dari atas angin milik Maulana Jalaluddin dirakamkan oleh *Sulalat u’s Salatin* telah didatangi oleh nelayan yang menjual ikan sejurus sahaja berlabuh di perairan Melaka. Sementara itu, perhubungan kerajaan Melaka dengan China pula dipicu oleh aspek politik. Rakaman peristiwa Tun Perpatih Putih yang dititahkan membawa surat ke China dan penghantaran Puteri Hang Liu ke Melaka oleh Raja China di dalam naskhah ini jelas mengabsahkan tentang kewujudan hubungan politik di antara kedua-dua buah kerajaan ini.

Dalam pada itu, pemergian Hang Nadim ke Benua Keling untuk mencari kain empat puluh jenis membuktikan pula wujudnya hubungan perniagaan di antara Melaka dengan India. Penelitian terhadap *Sulalat u’s Salatin* juga turut menemukan kehadiran catatan pertama mengenai orang Eropah namun maklumat yang dibekalkan kebanyakannya bersangkutan dengan peperangan dan permusuhan di antara kerajaan Melaka dengan orang Eropah. Sorotan secara ringkas yang dilakukan oleh Tatiana Denisova berkait dengan catatan pertama mengenai orang Eropah dalam naskhah ini dilihat amat signifikan lantaran menyuguhkan maklumat berkaitan dengan interaksi kerajaan Melayu dengan kuasa Eropah dari sudut peperangan dan permusuhan.

Ding Choo Ming (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa naskhah *Sulalat u’s Salatin* telah memberikan gambaran berhubung dengan kuasa raja. Dapatan kajian beliau menyuguhkan bahawa kewibawaan kuasa raja dalam naskhah *Sulalat u’s Salatin* boleh disoroti menerusi hubungan antara kerajaan Melaka dengan China. Sewaktu kerajaan China ingin menjalinkan hubungan dengan kerajaan Melaka, Maharaja China telah mengiriskan utusan bersama dengan sebuah pilu yang dimuatkan dengan jarum untuk menggambarkan betapa ramainya rakyat China pada ketika itu. Sebagai balasan kepada Maharaja China di samping menunjukkan kekuasaan Raja Melaka, Sultan Mansur Syah turut menghantar sebuah pilu besar ke China yang sarat berisi dengan sagu rendang untuk menggambarkan pula betapa ramainya rakyat Melaka di bawah pemerintahan baginda. Episod menjalinkan hubungan di

antara Melaka-China menerusi peristiwa pertukaran pilu ini dilihat berjaya menggemakan kekuasaan dan kebesaran Sultan Melaka pada ketika itu.

Dalam pada itu, episod hubungan diplomatik di antara Melaka-China dalam *Sulalat u's Salatin* turut dijadikan sebagai subjek perbincangan dalam sebuah penulisan yang dibuat oleh Shahrin Nizal Mohd Nor (2014). Lewat penulisannya itu, beliau menyatakan bahawa satu-satunya dokumen bertulis dalam sumber kepustakaan Melayu yang mencatatkan tentang hubungan diplomatik di antara kerajaan Melaka dengan kerajaan China ialah *Sulalat u's Salatin*. Dalam naskhah *Sulalat u's Salatin*, hubungan diplomatik Melaka-China telah dimulakan oleh kerajaan China yang menghantar surat serta bingkisan berupa barangan kepada Melaka. Peristiwa yang diujarkan oleh *Sulalat u's Salatin* tersebut boleh diperkukuhkan dengan menggunakan sumber yang dimiliki oleh kerajaan China sendiri yang menyatakan Maharaja Cheng Zhu (1403-1424) telah mengirinkan Menteri Dalam iaitu Yin Qing ke Melaka untuk menghantar bingkisan berupa sutera dewangga, kunci emas, tabir-mabir dan sebagainya. Sebagai timbal balas, utusan dari Melaka pula kemudiannya mengikuti Yin Qing kembali ke China dengan membawa hasil mahsul dari Melaka untuk dipersembahkan kepada Maharaja China. Rentetan itu, Maharaja Ming kemudiannya mengiktiraf Parameswara sebagai Raja Melaka dengan menganugerahkan baginda cap kempa, wang, pakaian kerajaan dan payung iram-iram kuning. Kewujudan hubungan diplomatik dengan China membolehkan Melaka mengelakkan diri dari bermusuhan dengan kuasa asing di samping memajukan perdagangan dan memperluaskan lagi empayarnya dewasa itu.

Pada masa yang sama, Ramlah Adam (2016) turut memanfaatkan naskhah *Sulalat u's Salatin* untuk membicarakan tentang hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka baik di peringkat serantau mahupun juga antarabangsa. Kegemilangan yang dicapai oleh Kesultanan Melayu Melaka antara lainnya berkait rapat dengan kebijaksanaan pemerintahnya sendiri dalam melaksanakan hubungan luar. Hubungan tersebut berlaku dalam bentuk perkahwinan, penaklukan, perdagangan, dan penyebaran agama Islam. Setiap hubungan berkenaan boleh jadi berlaku secara berlapis-lapis dan berulang-ulang dalam memperkukuhkan kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan dan empayar. Terkait dengan perihal tersebut, *Sulalat u's Salatin* merakamkan sewaktu pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, baginda telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Siam atas pandangan Bendahara yang mengusulkan "daripada banyak seteru (baik) banyak sahabat". Era pemerintahan Sultan Mansur Syah pula menyaksikan hubungan luar kerajaan Melaka dilaksanakan menerusi pelbagai medium antaranya ialah menerusi perkahwinan diraja dengan kerajaan Majapahit dan China, peperangan dan juga perhubungan dalam pengembangan agama Islam. Hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka sebelumnya diteruskan kesinambungannya oleh Sultan Alauddin Riayat Syah yang menjalinkan hubungan luar secara tanah jajahan dan naungan serta peperangan. Berbeza pula akan halnya dengan Sultan Mahmud Syah kerana baginda telah memanfaatkan perdagangan untuk mewujudkan hubungan luar di samping masih mengekalkan hubungan dengan tanah jajahan dan naungan sebelumnya. Selanjutnya, pendekatan yang digunakan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah II dalam menjalinkan hubungan luar kerajaan Johor tidak jauh bezanya juga dengan pemerintah yang terdahulu iaitu menerusi hubungan perkahwinan dan juga jajahan takluk atau naungan.

Zulkarnain Abdul Rahman, Mohamad Khairul Anwar Mohd Rosli & Aziz Ujang (2018) dalam penulisan mereka menyatakan bahawa kemunculan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan entrepot yang penting dan juga pusat perkembangan agama Islam telah memungkinkannya mampu untuk menjalinkan hubungan dengan beberapa tamadun dunia yang lain seperti China, Siam dan juga India. Perhubungan yang dijalinkan oleh kerajaan Melaka dengan dunia luar seperti yang dinyatakan itu telah dicorakkan oleh faktor perdagangan dan keselamatan. Setelah Melaka dibuka misalnya, Raja Iskandar Shah (Parameswara) telah menghantar utusan ke Ayuthia untuk mengaku tunduk kepada kerajaan tersebut dan berjanji akan membayar ufti sejumlah 40 tahlil emas pada setiap tahun. Pengakuan Melaka untuk tunduk ternyata menguntungkan Melaka kerana sejurus selepas itu Siam telah membekalkan beras kepada Melaka. Selain itu, Melaka juga turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan China yang bertujuan untuk mendapatkan perlindungan

daripada kuasa besar tersebut. Berdasarkan naskhah *Sulalat u's Salatin*, hubungan Melaka dengan China telah terjalin semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah rentetan dari Maharaja China yang mendengar tentang kehebatan Melaka. Hubungan Melaka-China semakin mengukuh apabila Sultan Mansur Syah mengahwini Puteri Maharaja China iaitu Hang Liu.

Sultan Mansur Syah turut disinggung dalam penulisan Mohd Jamil Mukmin (2018) sebagai sosok pemerintah yang telah memantapkan lagi Empayar Kesultanan Melayu Melaka. Sepanjang menerajui Kesultanan Melayu Melaka, Sultan Mansur Syah telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Siam. Setelah hubungan di antara Siam dengan Melaka menjadi dingin akibat kegagalan Siam menakluki Melaka sebanyak dua kali di samping tindakan Melaka menakluki Pahang yang merupakan jajahan takluk Siam, *Sulalatus u's Salatin* merekodkan Sultan Mansur Syah di atas nasihat Bendahara Paduka Raja telah menghantar utusan damai iaitu Tun Telanai dan Menteri Jana Putera ke Siam. Semenjak itu, hubungan Melaka dengan Siam menjadi bertambah erat. Dalam pada itu, kewujudan Kesultanan Melayu Melaka telah dilihat oleh Betara Majapahit sebagai penghalang kepada cita-citanya untuk mewujudkan sebuah empayar di Nusantara. Bagi mengatasi ancaman Majapahit tersebut, *Sulalat u's Salatin* merakamkan persetujuan Sultan Mansur Syah terhadap cadangan barisan pembesarnya untuk mengahwini Puteri Raja Majapahit; Radin Galoh Cendera Kirana. Hubungan diplomatik Melaka-China yang merenggang akibat polisi kerajaan China yang mengamalkan dasar tutup pintu berjaya dipulihkan semula oleh Tun Perak. Hubungan Melaka-China yang mulai membaik pada waktu itu kemudiannya berubah menjadi hubungan perkahwinan apabila Maharaja China menghadiahkan Puteri Hang Li Po kepada Sultan Mansur Syah untuk diperisterikan oleh baginda.

Selanjutnya, Salmah Jan Noor Muhammad (2020) dalam kajiannya pula telah membincangkan tentang pencapaian hubungan diplomatik kerajaan Melayu khususnya kerajaan Melaka dengan berdasarkan naskhah *Sulalat u's Salatin*. Pencapaian diplomatik kerajaan Melayu sebenarnya berkait rapat dengan aspek keintelektualan pemerintah dalam mengatur corak pengukuhan sesebuah hubungan dan kunci kejayaannya terletak pada strategi yang berkesan. Bersabit dengan itu, strategi hubungan diplomatik Melaka pada waktu itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu menerusi perancangan dan juga pelaksanaan. Dalam *Sulalat u's Salatin*, kerajaan Melaka direkodkan menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Sulawesi, Siam, Majapahit, China dan juga Pasai. Namun, penceritaan tentang hubungan yang paling dominan dalam naskhah tersebut ialah perhubungan yang terjalin di antara Melaka-Siam, Melaka-Majapahit dan Melaka-China yang merupakan kerajaan yang sangat berpengaruh. Oleh itu, langkah kerajaan Melaka menjalinkan hubungan dengan ketiga-tiga kuasa berpengaruh ini merupakan suatu tindakan yang wajar. Dalam pada itu, kerajaan Melaka menurut *Sulalatu's Salatin* telah menggunakan warkah dan utusan kerajaan untuk menjalinkan hubungan dengan kerajaan Siam dan China. Berbeza pula akan halnya dengan kaedah yang digunakan oleh Melaka ketika menjalinkan hubungan dengan Majapahit dan Pasai iaitu menggunakan bingkisan hadiah. Keintelektualan dalam membentuk strategi diplomatik dengan menggunakan warkah dan utusan berkaliber serta bingkisan hadiah seperti yang diperkatakan tersebut telah berjaya membentuk kerjasama yang erat di antara kerajaan Melaka dengan kerajaan Siam, China, Majapahit dan Pasai.

Lewat kajian lepas yang dihimpunkan tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa kajian terhadap hubungan luar kerajaan Melaka dengan berdasarkan naskhah *Sulalat u's Salatin* telah dilaksanakan untuk menyoroti hubungan kerajaan Melaka dengan kerajaan China, Arab dan India di samping kerajaan serantau seperti Majapahit. Pada masa yang sama, hubungan di antara kerajaan Melaka dengan Eropah turut tidak ketinggalan dari disinggung oleh para ilmuan yang dihimpunkan namun perbincangan mengenainya hanya bersifat umum sahaja. Bertolak dari kelompangan tersebut, maka kajian ini ditujahkan untuk membicarakan dengan rinci seputar interaksi kerajaan Melaka dengan Eropah khususnya Protugis berdasarkan naskhah *Sulalat u's Salatin*.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini berorientasikan kajian kualitatif dengan menggableng dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Bersabit dengan itu, kaedah kepustakaan diimplementasi dengan mengumpul bahan dan juga maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Bahan dan maklumat berupa hasil penyelidikan pengkaji terdahulu yang dimuatkan dalam buku, jurnal, tesis, makalah dan kertas seminar diteliti dengan bacaan rapi untuk mencari kelompangan kajian yang ditinggalkan. Kesemua bahan tersebut diperoleh dengan mengunjungi beberapa gedung ilmu seperti Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Tun Sri Lanang serta Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sementara itu, kaedah analisis kandungan pula dipraktikkan dengan menganalisis naskhah *Sulalat u's Salatin* untuk mengetahui secara terperinci seputar sesuatu isu yang ingin diteliti terutamanya bentuk interaksi di antara kerajaan Melaka dengan kuasa Eropah dalam naskhah berkenaan. Kaedah ini dilaksanakan menerusi tiga tatacara iaitu mengumpul, mengenalpasti, dan merumuskan data. Berhubung dengan itu, data penyelidikan dikumpulkan dengan membaca rapi naskhah berdasarkan objektif yang telah digariskan. Selanjutnya, data yang telah dikumpulkan pada tahap yang pertama akan dimanfaatkan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian. Data yang telah dianalisis tersebut kemudiannya digunakan untuk mengemukakan sebuah rumusan dapatan kajian yang akan dijalankan.

NASKHAH SULALAT U'S SALATIN

Sulalat u's-Salatin atau turut dikenali juga sebagai *Sejarah Melayu* merupakan naskhah historiografi Melayu yang paling penting dan menjadi asas kepada karya pensejarahan Melayu yang lain (Salmah Jan Noor Muhammad, 2012). Naskhah ini menurut Teuku Iskandar (1995) telah disalin oleh Tun Sri Lanang pada 12 Rabi'ul-awal 1021 Hijrah bersamaan dengan 13 Mei 1612 Masihi. Bahasanya yang indah serta kandungannya yang menggambarkan tentang masyarakat Melayu silam tidak hanya menarik perhatian ramai para sarjana untuk menekuninya bahkan juga telah memungkinkan naskhah ini disalin dan diterbitkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Perancis dan Cina (Liaw Yock Fang, 1978).

Naskhah ini secara keseluruhannya menurut Noriah Taslim (2006), merupakan monumen budaya yang mengumpul timbunan dan khazanah ilmu milik leluhur orang Melayu, menurunkan secara rapi genealogi raja-raja Melayu yang asal dan berbangsa dengan mempertalikan figura raja Melayu berkenaan dengan tokoh-tokoh agung dunia mencakupi sebelah Barat dan India dan juga dokumen politik yang memuktubkan perjanjian suci antara raja dengan rakyat. Selain dari itu, naskhah yang turut digelar sebagai *Sejarah Melayu* ini juga tidak ketinggalan dari memberikan peringatan kepada khalayak pembaca tentang dengki, khianat dan rasuah sebagai perkara utama yang boleh membawa kepada ketidakharmonian dan kelemahan sesebuah kerajaan (Abdullah Zakaria, 2018). Dalam konteks kajian ini, naskhah *Sulalat u's-Salatin* seperti dalam rajah 1 yang ditransliterasi oleh Abdul Rahman Haji Ismail dan diterbitkan oleh *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)* akan dimanfaatkan sebagai data kajian.




Rajah 1: *Sulalat u's Salatin* atau *Sejarah Melayu*

Sumber: https://moonshadowstories.com/resources/book/sejarah_melayu_the_malay_annals

TEORI BENTUK DAN LINGKUNGAN SOSIAL INTERAKSI ANTARA TAMADUN

Data yang diperolehi dari naskhah historiografi Melayu yang menjadi bahan utama dalam penyelidikan ini akan dianalisis menggunakan Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun yang diketengahkan oleh Kuzyk dan Yakovets pada tahun 2006 lewat buah tangan yang bertajuk *Civilizations: Theory, History, Dialouge and The Future*. Teori ini dijana oleh Kuzyk & Yakovets (2006) ketika membincangkan seputar peranan dialog sebagai salah satu elemen yang terkandung dalam sistem interaksi di antara tamadun. Kehadiran dialog antara tamadun dianggap oleh kedua-dua sarjana ini telah memulakan sebuah babak baru khususnya dalam bidang geopolitik dengan mendapat pengiktirafan serta menyebarkan secara meluas sejak akhir abad ke-20.

Lanjutan itu, pembicaraan terhadap dialog antara tamadun ini secara tidak langsung telah membawa kepada tuntutan untuk mengetahui posisi dialog dalam sebuah sistem interaksi antara tamadun. Kedudukan dialog sebagai salah satu bentuk interaksi dalam sistem interaksi di antara tamadun diringkaskan oleh Kuyzk dan Yakovets (2006) seperti rajah berikut:



Rajah 2. Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun

Sumber: Kuzyk & Yakovets (2006)

Gambar rajah di atas yang menunjukkan tentang kedudukan dialog dalam sistem interaksi secara tidak langsung telah memaparkan secara menyeluruh mengenai bentuk interaksi yang sering berlaku di antara tamadun. Berhubung dengan itu, Kuyzk & Yakovets (2006) menyuguhkan bahawa interaksi di antara tamadun terjalin dalam bentuk bersekutu atau perkongsian, dialog, kerjasama, konflik dan juga konfrantasi. Interaksi dalam bentuk konflik yang berlaku di antara tamadun lazimnya menyaksikan meletusnya konflik bersenjata yang melibatkan ketenteraan di antara tamadun yang terlibat. Konflik yang menyangkut pengerahan ketenteraan ini kebiasaannya akan menjanjikan dua kesudahan yang berbeza. Pertama, konflik ketenteraan berkenaan diakhiri dengan menyaksikan kemenangan tidak berpihak kepada mana-mana tamadun yang terlibat dalam peperangan sebaliknya membawa kepada kewujudan keseimbangan baru di antara pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata berkenaan. Kedua, berlakunya penjajahan atau kebinasaan ke atas tamadun yang berjaya dikalahkan dalam konflik ketenteraan tersebut sehingga menghapuskan baik sejarah kewujudannya mahupun kegemilangan yang dikecapi olehnya.

Dialog dalam sistem interaksi antara tamadun memainkan peranan untuk menyebarkan permuafakatan secara bertahap-tahap di antara tamadun, mengintensifkan rekonsiliasi dalam kalangan tamadun terutamanya yang bermusuhan dan menganjurkan kepada tamadun untuk saling menjalinkan kerjasama. Impak dialog dalam sistem interaksi antara tamadun boleh dibuktikan lewat pertautan hubungan di antara Eurasia dan Jepun selepas Perang Dunia II.

Lanjutan itu, kerjasama dalam sistem interaksi dalam kalangan tamadun merupakan antara bentuk interaksi yang berfungsi untuk mengemukakan jalan penyelesaian terhadap masalah yang berbangkit akibat konflik ketenteraan yang terjadi di antara tamadun. Pemeteraian kerjasama di antara tamadun yang berkonflik tersebut amat memerlukan peranan yang dimainkan oleh PBB di samping pihak antarabangsa yang lain untuk berfungsi sebagai medan untuk tujuan murni tersebut. Kerjasama yang terjalin melibatkan tamadun yang berkonflik tersebut boleh dilihat semasa meletusnya Perang Dunia II apabila Amerika Utara, Eurasia dan sebahagian Tamadun Barat saling mendapat manfaat apabila mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan secara bersama perkara yang melibatkan objektif strategik seperti isu alam sekitar dan pembangunan senjata nuklear.

Bersekutu atau perkongsian dianggap sebagai kesepakatan yang terjalin pada tahap yang tertinggi lantaran menghubungkan tamadun dalam tempoh masa yang lama, kukuh dan saling mendatangkan keuntungan kepada tamadun yang terlibat dalam interaksi dalam bentuk ini. Keadaan tersebut berlaku demikian kerana kepentingan bersama di antara tamadun sama sekali tidak menghapuskan perbezaan yang wujud dalam sesuatu bidang yang tertentu. Keberkesanan bentuk interaksi bersekutu atau perkongsian di antara tamadun ini boleh diabsahkan menerusi persekutuan atau perkongsian yang terjadi di antara Tamadun Eropah Barat dengan Amerika Utara setelah berlakunya konflik bersenjata.

Justeru, bentuk dan lingkungan sosial interaksi antara tamadun secara keseluruhannya bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- i. Bentuk interaksi dari aspek konflik akan bersangkutan dengan hal-ehwal ketenteraan.
- ii. Bentuk interaksi dari aspek konfrantasi akan membabitkan politik.
- iii. Bentuk interaksi dari aspek kerjasama, bersekutu atau perkongsian dan dialog akan bersangkutan paut dengan ekologi, ekonomi, teknologi dan sosiobudaya.

Dalam pada itu, interaksi di antara kerajaan Melaka dengan Eropah dalam naskhah *Sulalat u's Salatin* akan dianalisis dan dibincangkan dengan menggunakan dua cabang dalam teori ini iaitu kerjasama ekonomi dan konflik ketenteraan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Ibn Khaldun dalam magnum opusnya, *Mukadimah* menyuguhkan bahawa manusia sebagai makhluk sosial amat memerlukan proses interaksi dalam rangka menumbuhkan sesebuah

tamadun. Bertolak dari itu, setelah Melaka diperintah selama empat tahun oleh Parameswara, baginda telah memanfaatkan kunjungan secara mengejut oleh rombongan kerajaan China ke atas Melaka untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China. Hubungan tersebut berjaya melonjakkan taraf sosiopolitik Melaka dalam konteks serantau yang pada mulanya sebagai sebuah negeri naungan Siam kepada sebuah kerajaan yang berdaulat dan setaraf dengan Siam (Tan Hock Chuan & Ku Boon Dar, 2021). Naungan yang diberikan oleh kerajaan China ke atas Melaka dewasa itu melorongkan Melaka untuk membangun sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang menjadi tumpuan seluruh dunia. Kedatangan pedagang yang bertali arus mendorong kerajaan Melaka menjalinkan hubungan yang baik dengan kerajaan Majapahit dan Siam yang berperanan sebagai pengeluar beras untuk memastikan bekalan makanan pedagang yang singgah di Melaka sentiasa mencukupi (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1990). Selanjutnya, faktor perdagangan telah memungkinkan kerajaan Melaka memiliki hubungan dagang dengan Asia Tenggara, Asia Timur, Asia Selatan, Asia Barat dan juga negara-negara yang menghampiri Asia Barat seperti Mesir dan Abyssinia (Tome Pires, 1944).

Dalam perkembangan berikutnya, misi penjelajahan dan penjajahan dalam kalangan kuasa Eropah yang menyasarkan Asia Tenggara khususnya Alam Melayu telah membuka sebuah babak baru terhadap hubungan luar kerajaan Melaka pada waktu itu. Ketibaan kuasa Eropah di Alam Melayu yang dirintis oleh Portugis dan seterusnya diikuti oleh Belanda, Inggeris dan Sepanyol telah menyaksikan kerajaan Melayu khususnya kerajaan Melaka menjalinkan interaksi yang tersendiri dengan kuasa Eropah berkenaan. Interaksi berkenaan akan dibincangkan dengan lanjut seperti berikut.

Kerjasama Ekonomi

Kedudukan geografi Melaka yang strategik di pentas Asia Tenggara iaitu berada di tengah-tengah laluan timur dan barat memberikan potensi kepada Melaka untuk membangun sebagai sebuah “emporium” Melayu yang agung rentetan sering menjadi tumpuan para pedagang baik dari China, India mahu pun Timur Tengah. Tuah kedudukannya yang strategik itu menjadi berlipat kali ganda apabila Melaka diperintah dan ditadbir oleh barisan sultan dan pembesar yang berwibawa dan bijaksana dalam mewujudkan fenomena perdagangan di Melaka sehingga menjadi “emporium” Melayu yang terbesar (Gibson Hil, 1955). Dalam usaha membangunkan Melaka sebagai sebuah “emporium”, Parameswara menurut Raja Mohd. Affandi (1982) telah melaksanakan beberapa polisi untuk menarik pedagang ke pelabuhan Melaka yang kemudiannya dicontohi pula semula oleh Stamford Raffles pada 400 tahun kemudian.

Antara polisi yang dilaksanakan oleh Parameswara pada waktu itu ialah mengadakan sistem pentadbiran yang baik iaitu dengan melantik empat orang menteri, membina gudang-gudang bawah tanah di tengah kota untuk kegunaan pedagang yang dipagari dengan kayu yang kuat, menyediakan kemudahan jambatan kepada pedagang untuk menyeberangi Sungai Melaka yang dilengkapi dengan 20 buah kedai untuk saudagar-saudagar berjual beli, mengenakan cukai yang sederhana dan menetapkan sukatan yang adil dan menjamin keselamatan dalam bandar Melaka dengan membina kota kayu mengelilinginya yang memiliki empat gerbang. Kesannya, Melaka yang pada asalnya bermula sebagai sebuah perkampungan kecil berjaya bangkit menjadi sebuah kerajaan Melayu pesisir bertaraf kosmopolitan. Kegemilangan yang dikecapi oleh Melaka itu bagaimanapun mulai menggiurkan kuasa Eropah seperti Portugis, Sepanyol dan Belanda setibanya di Alam Melayu sehingga menyusun rencana untuk menguasai Melaka.

Kejayaan menguasai Melaka pada waktu tersebut diumpamakan oleh Tome Pires (1944) “Barang siapa menjadi Tuan di Melaka maka tangannya mencekik Venice”. Ungkapan Tome Pires itu jelas menyuguhkan betapa berprestijnya Melaka di mata kuasa Eropah sehinggakan kejayaan menguasainya diibaratkan seakan-akan mencengkam Venice. Dalam erti kata lain, penguasaan ke atas Melaka seolah-olah akan menguasai rangkaian perdagangan yang bermula di China seterusnya ke Maluku hingga ke Jawa lalu ke Melaka dan Sumatera.

Oleh sebab itu, tidak hairanlah kuasa Eropah menaruh keinginan yang tinggi untuk menakluki Melaka pada waktu itu. Di pihak Portugis, langkah awal yang diambil untuk merealisasikan cita-cita besar terhadap Melaka tersebut dimulakan dengan cubaan untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan Melaka (Nurdiyawati Abidin & Adnan Jusoh, 2021). Niat Portugis itu dirakamkan oleh naskhah *Sulalat u's Salatin* seperti petikan berikut:

...Hatta maka datang sebuah kapal Feringgi dari Guha, maka ia pun berniaga di Melaka. Maka dilihat oleh Feringgi itu, negeri terlalu makmur dan bandarnya pun terlalu ramai. Maka segala orang Melaka pun berkampunglah melihat rupa Feringgi, maka sekalian hairan, katanya "Ia ini Benggali putih". Maka seorang-seseorang Feringgi itu, berpuluh-puluh orang laki-laki mengerumusi dia, ada yang memutar janggut Feringgi itu, ada yang menjamah kepala Feringgi itu, ada yang mengambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya. Maka kapitan kapal itu pun naiklah mengadap Bendahara Seri Maharaja, maka oleh Bendahara akan kapitan kapal itu diangkatnya anak dan dipersalini seperti. Maka kapitan kapal itu dipersembahkannya kepada Bendahara Seri Maharaja rantai emas satu...

(Abdul Rahman Haji Ismail 1998: 254)

Petikan dari naskhah *Sulalat u's Salatin* yang diperturunkan itu merakamkan tentang kehadiran sebuah kapal Portugis dari Goa yang terpegun dengan kemakmuran dan keramaian Melaka. Sejurus berlabuh di perairan Melaka pada 1 Ogos 1509, kapitan kapal Portugis berkenaan lantas mengadap Bendahara Seri Maharaja dan menghadiahkan beliau seutas rantai emas untuk menyatakan niat Portugis yang ingin berdagang di Melaka yang makmur lantaran menjadi tumpuan para pedagang dari seluruh dunia. Ahmat Adam (2021) ketika mengulas dengan lebih lanjut mengenai hasil pertemuan di antara Kapten Portugis yang dikenali sebagai Diogo Lopes de Sequeira dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir tersebut menyatakan bahawa angkatan Portugis berkenaan telah diterima oleh Sultan Mahmud Syah untuk berdagang di Melaka. Malah, Diogo Lopes de Sequeira dan rombongannya itu juga turut diberi keizinan oleh Sultan Mahmud Syah menggunakan bangsal di pelabuhan untuk tujuan perdagangan mereka. Dalam masa yang sama, Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir sendiri juga mengambil inisiatif meratifikasi perjanjian dengan pihak Portugis untuk menjalinkan hubungan dagang dengan para pedagang dari Protugal. Perbincangan terhadap perjumpaan di antara Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan Diogo Lopes de Sequeira atas tujuan perdagangan tersebut menjadi bukti yang jelas terkait interaksi kerajaan Melaka dengan Portugis dalam bentuk kerjasama ekonomi.

Konflik Ketenteraan

Gara-gara perasaan tamak haloba, niat awal Portugis yang ingin berdagang di Melaka telah berubah menjadi hasrat untuk menjajah kerajaan Melayu tersebut dalam tempoh dua tahun kemudian apabila Afongso Dhalberkarki merasa terpukau setelah menyaksikan sendiri kehebatan Melaka sebagai sebuah kota pelabuhan yang makmur (Ahmat Adam, 2021). Oleh sebab itu, tidak hairanlah perjanjian perdagangan yang dimeterai oleh Bendahara Tun Mutahir dengan Portugis sebelumnya menemui jalan buntu lantaran Portugis tempoh itu sudah pun memiliki rencana yang jauh lebih besar dari urusan perdagangan yang ingin mereka jalankan di Melaka sebelumnya. Malah, hubungan kerajaan Melaka dengan Lopes de Sequeira dan rakan-rakannya juga segera memburuk dan menjadi bertambah keruh akibat wujudnya syak wasangka orang Melayu yang akhirnya menghantar hubungan kedua-dua pihak tersebut ke daerah perseteruan (Ahmat Adam, 2021).

Menurut Siti Radzia Ramlee & Ishak Saat (2023), bibit awal yang mengeruhkan hubungan berkenaan bermula dengan kebiadaban *Teixeira* terhadap golongan istana yang mewakili pihak Portugis untuk menyerahkan surat Raja Emmanuel kepada Sultan Mahmud Syah. Pada masa yang sama, rombongan Diogo Lopes de Sequeira turut mendapat layanan

yang buruk dari pengikut Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir tanpa pengetahuan beliau. Keadaan menjadi semakin keruh apabila pihak Portugis terlalu lama menunggu jawapan dari pihak istana terkait dengan dasar laut Portugis sehingga mengancam kerajaan Melaka. Sekali lagi tanpa pengetahuan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, askar Melaka melepaskan tembakan terhadap kapal Diogo Lopes de Sequeira yang membawa kepada rampasan dan penawanan kapal milik rombongan Portugis berkenaan.

Rentetan dari itu, berlakulah episod persengketaan demi persengketaan dan tawar menawar di antara kedua-dua belah pihak sehingga gagal mencapai kata sepakat yang akhirnya memicu interaksi dalam bentuk konflik ketenteraan di antara kerajaan Melaka dengan Portugis. Peristiwa peperangan di antara kerajaan Melaka dengan Portugis yang membawa kepada penaklukan Melaka tersebut dirakamkan menerusi petikan naskhah *Sulalat u's Salatin* seperti berikut:

Maka tersebutlah perkataan Fongso Dalburkarki. Setelah ia turun pada Bezurai Fongso Dalburkarki pun naik ke Portugal mengadap Raja Pertagal minta armada, maka diberi oleh Raja Pertagal empat buah kapal dan lima buah ghalil panjang. Maka ia turun berbilang pula di Guha tiga buah kapal, dulapan ghali, empat buah ghalil panjang, lima belas fusta, maka jadi empat puluh semuanya. Maka pergilah ia ke Melaka. Setelah sampai ke Melaka, maka gempar orang Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Ahmad. "Bahawa Feringgi datang menyerang, tujuh buah kapal dan dulapan ghali dan sepuluh buah ghali dan pencalang lima belas buah dan fusta lima buah". Maka Sultan Ahmad pun mengerahkan segala rakyat berhadir kelengkapan. Maka berparanglah Feringgi dengan orang Melaka, maka dibedilnya dari kapal seperti hujan datangnya, bunyinya seperti guruh di langit, kilat api seperti kilat di udara, bunyi istinggar bagai kacang diredang. Maka segala orang Melaka pun tiada lagi beroleh berdiri di pantai daripada bersabatan bedil itu. Maka ghali dan fusta dilanggarkannya dari ujung jambatan

(Abdul Rahman Haji Ismail 1998: 267)

Petikan yang dinukilkan tersebut mengabsahkan mengenai kewujudan interaksi kerajaan Melaka dengan Portugis dalam bentuk konflik ketenteraan. Interaksi berkenaan terjalin dengan didasari oleh hasrat Portugis yang ingin menguasai kerajaan Melaka untuk membolehkannya memonopoli aktiviti perdagangan di Gugusan Kepulauan Melayu. Dalam usaha menawan Melaka tersebut, Portugis berdasarkan petikan yang diperturunkan telah mempersiapkan angkataannya dengan membariskan tujuh buah kapal, lapan buah ghali (perahu besar bertiang tiga), 10 buah ghali, 15 buah penjalang dan lima buah fusta (perahu bantu untuk kapal). Sementara itu, Mhd Yusof Ibrahim (1996) ketika merujuk sumber Portugis untuk memperkatakan mengenai persiapan Portugis menyerang Melaka menyatakan bahawa angkatan Portugis dewasa itu hanya datang dengan 15 buah layar berserta dengan 1600 orang askar.

Di pihak kerajaan Melaka pula, Sultan Ahmad Syah menurut petikan yang diperturunkan itu telah segera mengerahkan kesemua rakyat Melaka untuk hadir berperang lengkap dengan peralatan perang masing-masing seurus mengetahui angkatan Portugis yang ingin melancarkan serangan ke atas Melaka. Selain panah beracun dan tombak seligi, senjata rakyat Melaka pada ketika itu termasuklah lapan ribu buah senjata api seperti istinggar dan meriam (Pintado, 2012). Pada masa yang sama, Sultan Mahmud Syah menurut Ahmat Adam (2021) turut menyusun strategi peperangan dengan membahagikan pertahanan kerajaan Melaka kepada empat kawasan. Kawasan pertama yang dianggap paling penting sekali iaitu di Upeh (daerah Limbongan sekarang), kawasan Hilir, kawasan jambatan besar Melaka dan kawasan pantai. Di kawasan jambatan besar Melaka yang membelahi bandar Melaka menjadi Upeh dan Hilir didirikan sebuah kubu dan Tuan Bandan ditugaskan oleh Sultan Mahmud Syah untuk mempertahankannya. Kawasan pantai pula diamankan oleh Sultan Mahmud untuk dijaga oleh barisan hulubalang Melaka. Sementara itu, Tengku Alauddin dengan bakal

iparnya, Raja Pahang bertanggungjawab menghulurkan bantuan kepada mana-mana kawasan pertahanan yang memerlukan bantuan semasa menghadapi serangan dari Portugis.

Sejurus melengkapkan persiapan perang masing-masing, kedua-dua belah pihak yang berkonflik saling memerangi di antara satu sama lain pada tanggal 25 Julai 1511. Susana peperangan di antara kedua-dua belah pihak yang berseteru digambarkan oleh pengarang “*maka dibedilnya dari kapal seperti hujan datangnya, bunyinya seperti guruh di langit, kilat api seperti kilat di udara, bunyi istinggar bagai kacang direndang.*” Gambaran yang disuguhkan oleh pengarang berkenaan menggambarkan bertapa sengit dan gamatnya keadaan dalam kerajaan Melaka tempoh itu rentetan dari kedua-dua belah pihak yang saling memerangi di antara satu sama lain.

Rakyat Melaka dengan bantuan askar upahan yang terdiri dari orang Jawa dan Gujerati berjuang bermati-matian untuk mempertahankan Melaka dari ditawan oleh musuh. Hasilnya, rakyat Melaka berjaya mendapat kemenangan pertama dalam pertempuran sulung dengan Portugis tersebut. Pun begitu, ketika siri serangan Portugis kali kedua, nasib baik bagaimanapun tidak menyebelahi Melaka. Berhubung dengan kekalahan yang diterima oleh kerajaan Melaka ketika serangan Portugis kali kedua itu, Ahmat Adam (2021) menyatakan bahawa ia berpunca dari strategi peperangan yang lemah, utemuturaja yang “bermain kayu tiga”, taktik Dhalberkarki, tindakan bumi hangus Portugis, kepulangan Raja Pahang ke negerinya, Dhelberkarki dihasut oleh orang asing, Portugis memujuk Siam, kezaliman dan kebejatan akhlak Raja Melaka, budaya rasuah dan juga khianat.

RUMUSAN

Proses interaksi pada hakikatnya bukanlah sesuatu yang asing di Gugusan Kepulauan Melayu. Kajian para ilmuan mendapati bahawa masyarakat Melayu menerusi kerajaannya telah pun mula sedari zaman protosejarah lagi sehinggalah ke kerajaan pesisir terkemudian yang terkenal. Interaksi tersebut terjalin sama ada dengan kerajaan setempat yang mengitarinya mahupun juga dengan tamadun yang berada di luar peradabannya seperti China, India, Ryukyu, Arab-Parsi dan Turki Uthmaniyah. Dari semasa ke semasa, interaksi tersebut telah melangkah dengan lebih jauh lagi apabila kerajaan Melayu turut dikesan menjalinkan interaksi dengan Eropah yang pertama kalinya menjejakkan kaki di Alam Melayu pada abad ke-15 rentetan misi penjelajahan dan penjajahan.

Kerajaan Melaka umpamanya dirakamkan oleh naskhah *Sulalat u's Salatin* menjalinkan hubungan dengan kuasa Eropah khususnya Portugis dalam konteks kerjasama ekonomi dan konflik ketenteraan. Dari sudut kerjasama ekonomi, Portugis telah diperkenankan oleh Sultan Mahmud Syah untuk mengambil bahagian berdagang di kerajaan Melaka yang makmur. Malah, Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir mengambil inisiatif meratifikasi perjanjian untuk menjalinkan hubungan dagang dengan para pedagang dari Protugal. Namun begitu, pesona kemakmuran kerajaan Melaka bagaimanapun mengaburi mata hati Portugis sehingga memungkinkan Portugis menyusun rencana untuk menakluki kerajaan Melaka yang akhirnya mencetuskan konflik ketenteraan di antara kerajaan Melaka dengan pihak Portugis dewasa itu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail. (1998). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2018). Kesultanan Melaka 1262-1528: Menimba Maklumat daripada Sumber Melayu-Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu. Dlm. Mohd Samsudin, Zulkanain Abdul Rahman & Aziz Ujang (Ed.), *Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka*, (pp. 32-53). Bangi: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman. (2014). Mesir dan Hubungan Awal dengan Masyarakat Melayu. *UNISEL Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 57-72.

- Ahmat Adam. (2021). *Tawarikh Melayu dan Melaka*. Petaling Jaya: SIRD.
- Azizan Baharudin. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- B. N. Kuzyk & Yu. V. Yakovets. (2006). *Civilization Theory, History, Dialogue and the Future*. Moscow: Institute for Economic and Strategies.
- Badrul Hisham Ithin. (2004). *Potensi dan Halangan Dalam Dialog Peradaban: Suatu Kajian Tentang Hubungan Sesama Islam dengan Barat*. (Tesis Sarjana) Universiti Malaya, Malaysia.
- Ding Choo Ming. (2012). *Penafsiran Kuasa Raja Dalam Beberapa Teks Sastra Melayu Lama*. *Jumantara*, 3(2): 55-74.
- Hill, G. (1955). *Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johor River*. *JMBRS*, 28: 127-197.
- Liang Liji. (1996). *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad Ke-15*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Liaw Yock Fang. (1978). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Mashitah Sulaiman & Adibah Sulaiman@Mohamad. (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Jamil Mukmin. (2018). *Sultan Mansur Syah 1378-1449*. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali, Abdul Rahman Haji Ismail & Zulkanain Abdul Rahman (Ed.). *Kesultanan Melayu Melaka 1262-1528 Penelitian Semula* (pp. 119-136). Batu Berendam: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Mohd Zul Fahmi & Norsaleha Mohd Salleh. (2020). *Hubungan Geopolitik dan Perdagangan Alam Melayu dengan Dunia Arab*. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 1(1), 44-56.
- Muhd. Yusuf Ibrahim. (1996). *Kemerosotan Melaka*. Dlm Zainal Abidin Abdul Wahid, Nik Hassan Suhaimi, Muhd Yusof Ibrahim, Mohd. Amin Hassan & Khoo Kay Kim (Ed.), *Malaysia Warisan dan Perkembangan* (pp. 74-85). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, Tarmiji Maron & Zulkifli Jaafar. (2016). *Kesan Kebangkitan Dinasti Sung-Yuan Terhadap Perkembangan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi*. Dlm. Nazarudin Zainon & Nasha Rodziadi Khaw (Peny.), *Hubungan Politik dan Sosiobudaya China-Dunia Melayu Hingga Kurun Ke-15 Masihi* (pp. 122-129). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nazarudin Zainun & Nasha Rodziadi Khaw. (2009). *Hubungan Chih'Tu dengan Dinasti Sui 607-610M: Suatu Analisis Sosioekonomi*. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 37, 8-17.
- Nazarudin Zainun, Nasha Rodziadi Khaw, Tarmiji Masron & Zulkifli Jaafar. (2009). *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing: Hubungan Ufti Tan-Tan dan P'an-P'an Dengan China Pada Zaman Dinasti Sui dan T'ang: Satu Analisis Sosioekonomi*. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurdiyawati Abidin & Adnan Jusoh. (2021). *Kesan Pemerintahan Kolonial Terhadap Kegiatan Ekonomi Masyarakat Melayu Di Melaka Hingga Era Kemerdekaan*. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(2): 29-46.
- Pintado, M.J. (2012). *Portuguese Documents on Malacca from 1509 to 1511*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Pires, T. (1944). *The Suma Oriental*. London: The Hakluyt Society.
- Raja Mohd. Affandi. (1982). *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. *Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka Dengan Kawasan Sekitar Dan Antarabangsa*. Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu, Kuala Lumpur. September 2016.
- Rosliha Muhammad. (2000). *Kesan Kolonialisme Ke Atas Peradaban Melayu: Rujukan Khas Kepada Kuasa Penjajah*. (Tesis Sarjana) Universiti Malaya, Malaysia.

- Salmah Jan Noor Muhammad. (2020). Pencapaian Hubungan Diplomatik Kerajaan Melayu Berdasarkan Kajian Manuskrip Melayu. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 1(1): 30-43.
- Salmah Jan Nor Mohamad. (2012). Ilmu Diplomatik Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Salmah Omar. Faktor Andalus Sebagai Pusat Pertemuan di Antara Tamadun Islam dan Tamadun Barat. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Islam Kontemporer Indonesia-Malaysia, Sintok, Disember 2015.
- Shahrin Nizal Mohd Nor. (2021). Catatan Hubungan Diplomatik Melaka-China Dalam Sulalatus Salatin Dlm. Shahrin Nizal Mohd Nor (Ed.), *Fikrah Sastera* (pp. 76-85). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Radzia Ramlee & Ishak Saat. (2023). Impak Kedatangan Kuasa Kolonial Barat terhadap Geopolitik Malaysia dari Abad ke-15 hingga Abad ke-20. *Jurnal Perspektif*, 15, 93-105.
- Sri Rahayu Ismail. (1999). *Interaksi China-Jepun: Pembentukan Identiti Peradaban Jepun*. (Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban) Universiti Malaya, Malaysia.
- Tan Hock Chuan & Ku Boon Dar. (2021). Parameswara: Pengasas Hubungan Trubutari Melaka-China 1400-1414. Dlm. Ishak Saat & Ahmad Zainuddin Husin (Ed.), *Institusi Raja: Pelbagai Kisah Kesultanan di Alam Melayu*, (pp. 57-77). Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussien Onn.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid. (1990). Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa. *JEBAT*, 18: 71-87.
- Zulkarnain Abdul Rahman, Mohamad Khairul Anwar Mod Rosli & Aziz Ujang. (2018). Hubungan Bilateral Melaka-Makassar dari Abad ke-13 hingga Abad ke-17 Dlm. Mohd Samsudin, Zulkarnain Abdul Rahman & Aziz Ujang (Ed.), *Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka* (pp.183-202). Bangi: Penerbit Univeristi Kebangsaan Malaysia.